(Kursus ini membincangkan kaedah asas kawalan kualiti berstatistik dan analisis keupayaan yang merangkumi falsafah dan sejarah kualiti, proses DMAIC, carta kawalan pemboleh ubah, carta kawalan atribut, carta kawalan jumlah kumulatif (CUSUM) dan purata bergerak eksponen berwajaran (EMWA), sistem proses dan pengukuran analisis keupayaan, dan penerimaan persampelan.)

SBU1053 ESSENTIALS IN LIFE SCIENCES (Kepentingan Dalam Sains Kaji Hayat)

Kursus ini memperkenalkan topik biologi seperti organisasi fizikal dan kimia organisma hidup, struktur sel, fungsi, metabolisme, genetik dan regulasi gen molekular, kejuruteraan genetik, serta aspek molekular dalam perkembangan dan pembiakan organisma selain daripada biodiversiti dan evolusi organisma hidup.

(This course introduces biological topics such as physical and chemical organizations of living organisms, cellular structures, functions, metabolism, genetics and molecular gene regulation, genetic engineering, as well as molecular aspects in the development and reproduction of organisms as well as biodiversity and evolution of living organism.)

SBT1053 BIOTECHNOLOGY FOR INDUSTRIES (Bioteknologi Untuk Industri)

Kursus ini membincangkan teknik-teknik dalam makmal bioteknologi termasuk amalan makmal bioteknologi, instrumentasi, mikrobiologi, kultur tisu tumbuhan, fermentasi, analisis DNA, protein dan jujukan serta etika dalam bioteknologi. Pelajar akan mendapat pengalaman melakukan praktikal di dalam makmal melibatkan prosedur yang berkaitan makmal bioteknologi. Kuliah dan eksperimen secara bersiri akan membolehkan pelajar menguasai pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan.

(This course discusses techniques in biotechnology laboratory including biotechnology laboratory practices, instrumentation, microbiology, plant tissue culture, fermentation, analyses of DNA, protein and sequence as well as ethics in biotechnology. Students will get hands-on experience in conducting procedures related to biotechnology laboratories. Series of lectures and experiments will allow students to acquire related knowledge and skills.)

SFU1033 APPLIED SCIENCE (Fizik Gunaan)

This course provides knowledge on the basic principle of physics. Students will be exposed to the basics physics problem solving by using algebra based mathematics skill. The discussed topics are scientific method, kinematics, dynamics, circular motion, properties of matter and heat.

(Kursus ini memberi ilmu pengetahuan tentang prinsip asas fizik. Pelajar akan didedahkan kepada penyelesaian masalah fizik asas yang menggunakan kemahiran matematik berasaskan algebra. Topik-topik yang dibincangkan adalah kaedah saintifik, kinematik, dinamik, gerakan membulat, sifat-sifat jirim dan haba.)

SFE1013 ELECTRONICS TECHNOLOGY (Teknologi Elektronik)

The course covers basic analogue and digital electronics. The topic includes semiconductors, d.c. power supplies, bipolar junction transistors, small signal amplifiers, digital systems, microprocessor and microcontroller.

(Kursus ini merangkumi asas elektronik analog dan digital. Topik-topik termasuklah semikonduktor, pembekal kuasa arus terus, transistor dwikutub, penguat isyarat kecil, sistem digital, pemproses mikro dan pengawal mikro.)

SFL1013 TECHNIQUES IN PHYSICS LABORATORY (Teknik-Teknik dalam Makmal Fizik)

This course discusses about observation techniques and data analysis from contemporary physics experiments. Topics covered are optics, heat, waves, mechanics and modern physics which used up to date technology such as sensors, micro-controller and computer.

(Kursus ini membincangkan tentang teknik-teknik menceraip dan menganalisis data daripada eksperimen-eksperimen dalam bidang fizik semasa. Bidang-bidang ini merangkumi optik, haba, gelombang, mekanik dan fizik moden dengan menggunakan teknologi terkini seperti penggunaan sensor, pengawal-mikro dan komputer.)

SKU1033 PRINCIPLES OF CHEMISTRY (Prinsip Kimia)

This course introduces important topics in chemistry such as measurements in chemistry, matter and its properties, atom and molecules, atomic structure, chemical nomenclature, mole concept and stoichiometry, solution and concentration, chemical equilibrium, gas laws and chemical bonding.

(Kursus ini memperkenalkan topik-topik penting dalam kimia seperti pengukuran dalam kimia, jirim dan sifatnya, atom dan molekul, struktur atom, penamaan kimia, konsep mol dan stoikiometri, larutan dan kepekatan, keseimbangan kimia, hukum gas dan ikatan kimia.)

SKF1023 FUNDAMENTAL OF PHYSICAL CHEMISTRY (Kimia Fizik Asas)

The course discusses the basic concept of physical chemistry. The topics covered are the concepts in basic thermodynamics laws, free energy, theories of chemical kinetics, reactions mechanism, effect of temperature and catalyst in reaction rate, electrochemistry and nuclear chemistry.

(Subjek ini membincangkan konsep asas kimia fizik. Topik ini juga merangkumi konsep asas hukum-hukum termodinamik, tenaga bebas, teori kinetik kimia, mekanisma tindak balas, kesan suhu dan mangkin terhadap kadar tindak balas, elektrokimia dan kimia nuklear.)

SKO1023 BASIC CONCEPTS AND SKILLS IN ORGANIC CHEMISTRY (Konsep dan Kemahiran Asas dalam Kimia Organik)

The course covers the discussion of IUPAC nomenclature, classification of functional groups, physical properties, synthesis and reactions in organic compounds, stereochemistry and basic skills in organic chemistry

(Kursus ini merangkumi perbincangan tentang tatanama IUPAC, klasifikasi kumpulan berfungsi, sifat fizik, sintesis dan tindak balas dalam sebatian organik, stereokimia dan kemahiran asas dalam kimia organik)

SKT1023 SOLID MATERIALS CHEMISTRY (Kimia Bahan Pepejal)

The course discusses material chemistry including solid state chemistry, physical and chemical properties of element in Periodic Table, coordination chemistry concept, preparation of materials in the solid state, and their applications in daily life and industries.

(Kursus ini membincangkan kimia bahan merangkumi kimia pepejal, sifat fizik dan kimia unsur dalam Jadual Berkala, konsep kimia koordinatan, penyediaan bahan-bahan dalam keadaan pepejal, dan aplikasinya dalam kehidupan seharian dan pelbagai industri.)

SSM1043 SCIENCE LABORATORY MANAGEMENT, SAFETY AND OPERATION (Pengurusan, Keselamatan Dan Operasi Makmal Sains)

This course discusses about occupational safety and health management in science laboratories, science lab management and maintenance, science laboratory store management and asset inventory, scheduled waste management and disposal, laboratory safety, chemical handling and maintenance of glass apparatus.

(Kursus ini membincangkan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam makmal sains, pengurusan dan penyelenggaraan makmal sains, pengurusan stor makmal sains dan inventori aset, pengurusan dan pelupusan sisa bahan terjadual, keselamatan dalam makmal, pengendalian bahan kimia dan penyelenggaraan radas kaca.)

SINOPSIS KURSUS TERAS - PENGKHUSUSAN

PROGRAM DIPLOMA SAINS

SBT1053 BIOTECHNOLOGY FOR INDUSTRIES (Bioteknologi untuk Industri)

Kursus ini membincangkan teknik-teknik dalam makmal bioteknologi termasuk amalan makmal bioteknologi, instrumentasi, mikrobiologi, kultur tisu tumbuhan, fermentasi, analisis DNA, protein dan jujukan serta etika dalam bioteknologi. Pelajar akan mendapat pengalaman melakukan praktikal di dalam makmal melibatkan prosedur yang berkaitan makmal bioteknologi. Kuliah dan eksperimen secara bersiri akan membolehkan pelajar menguasai pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan.

(This course discusses techniques in biotechnology laboratory including biotechnology laboratory practices, instrumentation, microbiology, plant tissue culture, fermentation, analyses of DNA, protein and sequence as well as ethics in biotechnology. Students will get hands-on experience in conducting procedures related to biotechnology laboratories. Series of lectures and experiments will allow students to acquire related knowledge and skills.)

SBF1023 SISTEM DALAM BIOLOGI/SYSTEMS IN BIOLOGY

Kursus ini memperkenalkan sistem dalam biologi yang menfokuskan konsep asas berkaitan dengan fungsi sistem biologi termasuk pernafasan, peredaran darah, pencernaan, muskuloskeletal, struktur tumbuhan, fotosintesis dan pembiakan dalam haiwan dan tumbuhan. Kursus ini juga membincangkan mekanisma asas dalam homeostasis dan osmokawalan sistem badan.

(This course introduces the systems in biology that focus on the basic concepts related to biological functions of body systems including respiratory, circulatory, digestive, musculoskeletal, plant structures, photosynthesis and reproduction in animals and plants. This course also discuss the basic mechanisms in homeostasis and osmoregulation of body systems.)

SBV1043 ECOSYSTEM DISTURBANCE AND CONSERVATION (GANGGUAN DAN PEMULIHARAAN EKOSISTEM)

Kursus ini membincangkan faktor-faktor yang mengancam kestabilan ekosistem dan prinsip dalam pemuliharaan. Kursus ini meliputi pengenalan kepada komponen dalam ekosistem, permintaan dan ancaman terhadap ekosistem. Teknik dalam kajian ekosistem dan penentuan status konservasi berdasarkan pengelasan IUCN turut dibincangkan. Penggunaan etika terhadap pengurusan persekitaran dan amalan terbaik dalam pemuliharaan juga diperkenalkan.

(This course discusses on factors that threaten the ecosystem stability and principles in conservation. This course covers an introduction to the components in an ecosystem, the demands and threats to the ecosystem. Techniques in ecosystem studies and conservation status determination based on the IUCN classification are also discussed. The application of ethics in environmental management and best practices in conservation are also introduced).

SFE1013 ELECTRONICS TECHNOLOGY (Teknologi Elektronik)

The course covers basic analogue and digital electronics. The topic includes semiconductors, d.c. power supplies, bipolar junction transistors, small signal amplifiers, digital systems, microprocessor and microcontroller.

(Kursus ini merangkumi asas elektronik analog dan digital. Topik-topik termasuklah semikonduktor, pembekal kuasa arus terus, transistor dwikutub, penguat isyarat kecil, sistem digital, pemproses mikro dan pengawal mikro.)

SFE1023 ELECTRICITY AND MAGNETISM (Keelektrikan dan Kemagnetan)

The course covers basic physics concepts in electricity and magnetism. The main topics discussed are charges and electric fields, resistance and Ohm's Law, capacitance, inductance, ammeters, voltmeters, direct and alternating currents, magnetic forces and magnetic fields, and transformers.

(Kursus ini meliputi konsep asas Fizik dalam keelektrifan dan kemagnetan. Topik-topik utama yang dibincangkan ialah cas-cas dan medan elektrik, kerintangan dan Hukum Ohm, kapasitan, induktan, ammeter, voltameter, arus terus dan ulak-alik, daya magnetik dan medan magnetik, dan transformers.)

SFT1033 WAVE, SOUND AND OPTICS

This course covers the concept of waves, sound and optics. Topics include waves characteristics, reflection, interference, mirror, lens, diffraction, polarization and others, It also includes discussion on the principle and application of sound based and optical instruments.

(Kursus ini merangkumi konsep gelombang, bunyi dan optik. Topik-topik yang terkandung adalah ciri-ciri gelombang, pantulan, pembiasan, interferens, cermin, kanta, pembelauan, pengutuban dan lain-lain. Ini termasuklah perbincangan tentang prinsip dan aplikasi instrument berasaskan bunyi dan optik.)

SKA1023 SKILLS AND CONCEPTS IN ANALYTICAL CHEMISTRY

This course introduces skills and concepts in analytical chemistry such as gravimetric analysis, solvent extraction, chromatography, acid and base equilibrium and titrations.

(Kursus ini memperkenalkan kemahiran dan konsep dalam kimia analisis seperti analisis gravimetrik, pengekstrakan pelarut, kromatografi, keseimbangan asid dan bes dan pentitratan.)

SKO1023 BASIC CONCEPTS AND SKILLS IN ORGANIC CHEMISTRY (Konsep dan Kemahiran Asas dalam Kimia Organik)

The course covers the discussion of IUPAC nomenclature, classification of functional groups, physical properties, synthesis and reactions in organic compounds, stereochemistry and basic skills in organic chemistry

(Kursus ini merangkumi perbincangan tentang tatanama IUPAC, klasifikasi kumpulan berfungsi, sifat fizik, sintesis dan tindak balas dalam sebatian organik, stereokimia dan kemahiran asas dalam kimia organik)

SKT1023 SOLID MATERIALS CHEMISTRY (Kimia Bahan Pepejal)

The course discusses material chemistry including solid state chemistry, physical and chemical properties of element in Periodic Table, coordination chemistry concept, preparation of materials in the solid state, and their applications in daily life and industries.

(Kursus ini membincangkan kimia bahan merangkumi kimia pepejal, sifat fizik dan kimia unsur dalam Jadual Berkala, konsep kimia koordinatan, penyediaan bahan-bahan dalam keadaan pepejal, dan aplikasinya dalam kehidupan seharian dan pelbagai industri.)

SSU1013 PERANTIS KERJAYA STEM (STEM Career Apprentice)

Kursus ini mempersiapkan pelajar dengan pengetahuan dan amalan profesional bagi menghadapi kerjaya masa hadapan dalam industri berteraskan STEM. Ia merangkumi beberapa tema seperti industri berteknologi tinggi, industri perusahaan kecil dan sederhana dan Industri produk pengguna. Aspek-aspek yang akan dibincangkan adalah asas pengurusan perniagaan, model perniagaan, kawalan kualiti dan pengurusan kewangan.

(This course prepares students with professional knowledge and practice to face future careers in the STEM-based industry. It covers several themes such as high-tech industry, small and medium enterprise (SME) industry and consumer products industry. Aspects to be discussed are basic business management, business model, quality control and financial management.)

SSM1043 SCIENCE LABORATORY MANAGEMENT, SAFETY AND OPERATION (Pengurusan, Keselamatan Dan Operasi Makmal Sains)

This course discusses about occupational safety and health management in science laboratories, science lab management and maintenance, science laboratory store management and asset inventory, scheduled waste management and disposal, laboratory safety, chemical handling and maintenance of glass apparatus.

(Kursus ini membincangkan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam makmal sains, pengurusan dan penyelenggaraan makmal sains, pengurusan stor makmal sains dan inventori aset, pengurusan dan pelupusan sisa bahan terjadual, keselamatan dalam makmal, pengendalian bahan kimia dan penyelenggaraan radas kaca.)

SSS1023 ISU TERKINI DALAM SAINS / EMERGING ISSUES IN SCIENCE

Kursus ini membincangkan tentang isu-isu terkini serta penemuan dan ciptaan baharu dalam bidang Sains seperti kesihatan, sumber semulajadi, alam sekitar, nanoteknologi, tenaga nuklear, dan lain-lain lagi. Ia akan memberi penekanan tentang implikasi isu-isu terkini terhadap etika selain aspek sosial dan ekonomi. Kursus ini menggalakkan pelajar untuk berbincang, berdebat, menganalisa, menilai dan memberikan justifikasi terhadap pendapat mereka tentang isu-isu terkini.

(This course discusses the latest issues as well as new discoveries and inventions in the field of Science such as health, natural resources, environment, nanotechnology, nuclear energy, and many more. It will emphasize the implications of the latest issues on ethics as well as social and economic aspects. This course encourages students to discuss, debate, analyze, evaluate and justify their opinions on current issues.)

SSS1024 SEMINAR BERSEPADU DALAM SAINS/ INTEGRATED SEMINAR IN SCIENCE

Kursus ini membincangkan topik semasa dalam Sains. Kursus ini juga memerlukan kumpulan pelajar untuk menjalankan projek berskala kecil berkaitan isu tertentu di bawah penyeliaan seorang mentor. Aktiviti tersebut seperti kerja makmal, kerja lapangan dan kaedah lain, akan berintegrasi dengan kursus-kursus sedia ada. Aktiviti turut menumpukan kepada kesedaran etika dan tanggungjawab sosial. Di dalam kursus ini, pelajar akan dibimbing untuk membentangkan dapatan dan penyelesaian masalah melalui pendekatan pembelajaran berstruktur, seperti pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan cabaran atau pendekatan lain yang sesuai.

(This course will discuss on current topics in Science. The course also requires a group of students to work on a small-scale project on selected issue, under the supervision of a mentor on selected issue. The activities may involve laboratory works, field works or other methods, which involve integration with other available courses. The activity will also focus on the awareness on ethics and social responsibility. In this the course, students will be guided to present their findings and solutions to a particular problem via structured learning approach, such as problem-based learning, challenge-based learning or other relevant approaches.)

PROGRAM DIPLOMA SAINS (MATEMATIK)

SMA1014 ELEMENTARY ALGEBRA (Aljabar Permulaan)

Topics covered include operations on algebraic expressions and polynomials, sequence and series, functions and graphs, solving systems of linear equations by using matrices and solving problems involving the conic sections.

(Tajuk-tajuk meliputi operasi ke atas ungkapan aljabar dan polynomial, jujukan dan siri, graf dan fungsi, menyelesaikan system persamaan linear menggunakan matriks dan menyelesaikan masalah yang melibatkan keratan kon)

SMA1034 INTRODUCTION TO DISCRETE MATHEMATICS (Pengenalan kepada Matematik Diskret)

This course focuses on mathematical logic and reasoning which stresses on methods of proving simple mathematical statements. The topics include logic and proofs, set, sequences and series, permutation and combinations, relations and digraphs, equivalence relations, functions and introduction to graph theory.

(Kursus ini memfokus kepada logik dan penaklukan matematik yang menekankan kaedah pembuktian pernyataan matematik mudah. Tajuk-tajuknya merangkumi logik dan bukti, set, jujukan dan siri, pilih atur dan gabungan, hubungan dan digraf, hubungan kesetaraan, fungsi dan pengenalan kepada teori graf.)

SMI1024 INTRODUCTION TO FINANCIAL MATHEMATICS (Pengenalan kepada Matematik Kewangan)

This course encompasses the knowledge about finance which includes topics on basic counting techniques, time value of money, various types of annuities, amortization of loans, sinking funds and cash flow.

(Kursus ini merangkumi pengetahuan tentang kewangan yang meliputi topik teknik asas pengiraan dalam matematik kewangan, wang dan nilai masa, pelbagai jenis anuiti, pelunasan pinjaman, dana terikat dan aliran tunai.)

SMN1034 DIFFERENTIAL CALCULUS (Kalkulus Pembezaan)

This course discusses the fundamental concepts in single variable calculus such as limits and continuity, definition and techniques of differentiation and applications of differentiation in solving real life problems.

(Kursus ini membincangkan konsep asasi dalam kalkulus satu pemboleh ubah seperti had dan kesinambungan, takrif dan teknik pembezaan serta aplikasi pembezaan dalam menyelesaikan masalah kehidupan sebenar.)

SMN1044 INTEGRAL CALCULUS (Kalkulus Kamiran)

This course begins with the concept of indefinite integral and the fundamental theorem of integral calculus. Students are exposed to techniques of integration. Applications of integration such as area between curves and volume of solid of revolution are also discussed. Some numerical integration method and differential equations are also introduced.

(Kursus ini dimulakan dengan konsep kamiran tak tentu dan teorem asas kalkulus. Pelajar akan didedahkan dengan teknik-teknik kamiran. Aplikasi kamiran seperti mencari luas di antara lengkung dan juga isipadu kisanan akan turut dibincangkan. Kaedah kamiran secara berangka dan persamaan perbezaan juga diperkenalkan.)

SMQ1024 PROGRAMMING IN MATHEMATICS (Pengaturcaraan dalam Matematik)

The course introduces the basics of computing concepts, algorithm, variables, operators, functions and program structures, storage classes, arrays, index, input/output and introduction to object-oriented programming concepts through a programming language.

(Kursus ini memperkenalkan konsep asas penghitungan, algoritma, pemboleh ubah, pengoperasi, fungsi dan struktur pengaturcaraan, kelas penyimpanan, tatasusunan, indeks, input/output, dan pengenalan kepada konsep pengaturcaraan berasaskan objek melalui suatu bahasa pengaturcaraan.)

SMQ1034 OPTIMIZATION METHODS (Kaedah Pengoptimuman)

This course focuses on the construction of linear programming (LP) model and its dual and solving LP problem by using simplex algorithm. It also covers sensitivity analysis of LP problem and relationships between primal and dual. Formulating and solving transportation problem are also included.

(Kursus ini memfokuskan kepada formulasi model pengaturcaraan linear (LP) beserta dual dan juga menyelesaikan masalah tersebut menggunakan kaedah simpleks. Kursus ini juga meliputi analisis sensitiviti masalah LP serta hubungan antara primal dan dual. Formulasi dan penyelesaian masalah pengangkutan juga dibincangkan dalam kursus ini.)

SMS1044 STATISTICAL INFERENCE (Statistik Inferensi)

This course introduces statistical concepts, methods and their applications, focusing on parameter estimation; point and interval estimations for the mean and proportion in a single population, difference of two means and proportions of two independent populations and hypothesis testing, paired t-test, chi-square tests, ANOVA, regression and correlation.

(Kursus ini memperkenalkan konsep-konsep statistik, kaedah dan aplikasinya, memfokuskan anggaran parameter, titik dan jarak anggaran bagi min dan perbandingan dalam satu populasi, perbezaan antara dua min, ujian hipotesis, ujian-t berpasangan, ujian khi-kuasa dua, ANOVA, regresi, dan korelasi)

SMS1054 STATISTICAL PACKAGE FOR ANALYSIS (Pakej Statistik Untuk Analisis)

The aim of this course is to expose and provide students with the knowledge, skills and experience of using statistical software packages to organize, display and analyze data. These software packages may include the choice of Excel, R, SPSS, Minitab or any other relevant packages.

(Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan dan menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman menggunakan pakej-pakej perisian statistik bagi tujuan mengorganisasikan, memaparkan dan menganalisis data. Pakej-pakej perisian ini boleh terdiri daripada pilihan seperti Excel, R, SPSS, Minitab atau pun lain-lain perisian yang dianggap relevan.)

DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL

SBL1043 ESSENTIALS SKILLS IN LIFE SCIENCES (Kemahiran Penting Dalam Sains Hayat)

This course strengthens students' understanding in various scientific procedures, which include basic laboratory safety, basic experimental theories and scientific instrument handling for life sciences.

(Kursus ini menerangkan kaedah penyelesaian masalah terhadap prosedur saintifik biologi yang merangkumi asas keselamatan makmal, teori asas eksperimen dan pengendalian alatan saintifik dalam sains kaji hayat.)

SBT1063 TROUBLESHOOTING IN BIOLOGICAL TECHNIQUES

This course describes technical problem-solving procedures in basic biological, microbiological, biochemical and biotechnology experiments.

(Kursus ini menerangkan prosedur penyelesaian masalah teknik dalam eksperimen biologi asas, mikrobiologi, biokimia dan bioteknologi.)

SBV1033 TECHNICAL AND OPERATION IN ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY (Teknikal dan operasi dalam kelestarian alam sekitar)

This course introduces basics skills and concepts in technical and operational aspects of environmental testing. This course provides hands-on experience in environmental sampling, solid waste, water and wastewater, air, noise, and soil analyses. Introduction to environmental management strategies and policies will also be included.

(Kursus ini memperkenalkan kemahiran asas dan konsep dalam aspek teknikal dan operasi ujian persekitaran. Kursus ini memberikan pengalaman langsung dalam pengambilan sampel persekitaran, analisis sisa pepejal, air dan air sisa, udara, bunyi dan tanah. Pengenalan strategi dan dasar pengurusan alam sekitar juga akan disertakan.)

SFG1033 OPTICAL INSTRUMENTS (Peralatan-Peralatan Optik)

This course explains the basic concepts related to the working principles of optical instruments includes light reflection, light refraction, total internal reflection, light dispersion and light diffraction. This course also also exposes students to appropriate techniques in operating optical equipments.

(Kursus ini menerangkan konsep-konsep asas berkaitan prinsip kerja peralatan-peralatan optik termasuk pantulan cahaya, pembiasan cahaya, pantulan dalam penuh, penyebaran cahaya dan pembelauan cahaya. Kursus ini juga mendedahkan pelajar tentang teknik-teknik yang sesuai dalam mengendalikan peralatan-peralatan optik.)

SFL1013 TECHNIQUES IN PHYSICS LABORATORY (Teknik-Teknik dalam Makmal Fizik)

This course discusses about observation techniques and data analysis from contemporary Physics experiments. Topics covered are optics, heat, waves, mechanics and modern physics which used up to date technology such as sensors, micro-controller and computer.

(Kursus ini membincangkan tentang teknik-teknik mencerap dan menganalisis data daripada eksperimen-eksperimen dalam bidang Fizik semasa. Bidang-bidang ini merangkumi optik, haba, gelombang, mekanik dan fizik moden dengan menggunakan teknologi terkini seperti penggunaan sensor, pengawal-mikro dan komputer.)

SFT1023 INTRODUCTION TO RADIATION AND NUCLEAR PHYSICS

This course focuses on the basic of physics and knowledge on radiation and nuclear and radiation physics. Topics include ionizing radiation, interaction of radiation with matter, radioactive decay and series, nuclear reaction, nuclear fission and fusion.

(Kursus ini memberi tumpuan kepada pengetahuan dan asas fizik mengenai sinaran dan fizik nuklear. Topik-topik adalah termasuk sinaran mengion, interaksi sinaran dengan jirim, pereputan radioaktif dan siri-siri pereputan, tindak balas nuklear, pembelahan dan pelakuran nuklear.)

SKL1014 ANALYTICAL TECHNIQUES IN CHEMISTRY (Teknik-Teknik Analisis Dalam Kimia)

This course discusses analytical techniques in chemistry includes basic statistics, acid-base equilibrium and titration, complexometric equilibrium and titration, redox titration, gravimetric analysis and precipitation titration, chromatography, solvent extraction and distillation.

(Kursus ini membincangkan teknik-teknik analisis dalam kimia termasuk asas statistik, keseimbangan asid-bes dan pentitratan, keseimbangan kompleks dan pentitratan, pentitratan redoks, analisis gravimetrik dan pentitratan pemendakan, kromatografi, pengekstrakan pelarut dan penyulingan.)

SKL1042 SPECTROSCOPY TECHNIQUES IN CHEMISTRY (Teknik-Teknik Spektroskopi Dalam Kimia)

This course introduces the principles and spectroscopic techniques in chemistry includes atomic absorption spectroscopy, ultraviolet/visible, infrared, mass spectroscopy and nuclear magnetic resonance.

(Kursus ini memperkenalkan prinsip dan teknik spektroskopi dalam kimia termasuk spektroskopi penyerapan atom, ultra lembayung/nampak, inframerah, spektroskopi jisim dan resonans magnetik nuklear.)

SKL1053 PRACTICAL ANALYTICAL TECHNIQUES AND SPECTROSCOPY IN CHEMISTRY (Amali Teknik-Teknik Analisis Dan Spektroskopi Dalam Kimia)

This course exposes the skills of practical techniques such as titration, gravimetric analysis, chromatography and spectroscopy.

(Kursus ini mendedahkan kemahiran teknik-teknik amali seperti pentitratan, analisis gravimetrik, kromatografi dan spektroskopi.)

SSU1013 PERANTIS KERJAYA STEM

This course prepares students with professional knowledge and practice to face future careers in the STEM-based industry. It covers several themes such as high-tech industry, small and medium enterprise (SME) industry and consumer products industry. Aspects to be discussed are basic business management, business model, quality control and financial management.

(Kursus ini mempersiapkan pelajar dengan pengetahuan dan amalan profesional bagi menghadapi kerjaya masa hadapan dalam industri berteraskan STEM. Ia merangkumi beberapa tema seperti industri berteknologi tinggi, industri perusahaan kecil dan sederhana dan Industri produk pengguna.

Aspek-aspek yang akan dibincangkan adalah asas pengurusan perniagaan, model perniagaan, kawalan kualiti dan pengurusan kewangan.)

SINOPSIS KURSUS LATIHAN INDUSTRI

SUL1016 INDUSTRIAL TRAINING (Latihan Industri)

Pelajar menjalani Latihan Industri di syarikat-syarikat atau organisasi-organisasi yang berkaitan dengan bidang pengajian masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan. Pelajar akan mendapat pengalaman keadaan sebenar operasi syarikat atau organisasi tersebut. Prestasi pelajar akan dipantau oleh penyelia daripada fakulti dan syarikat tempat latihan industri dijalankan. Pelajar perlu melengkapkan tugas khusus dan menyediakan laporan akhir mengikut bidang pengajian mereka

(Students undergo industrial training in companies or organizations related to their disciplines in a fixed duration of time. Students will experience the actual operation of the companies or organizations. Students' performance will be monitored by supervisors from both faculty and company. Students have to complete assignments and prepare final reports according to their disciplines.)

SAHSIAH DIRI PELAJAR

Pakaian Pelajar Lelaki

- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang mahasiswa universiti iaitu kemas, berseluar panjang dengan berbaju kemeja lengan panjang, bertali leher, pakaian kebangsaan atau etnik yang sesuai. Bahagian bawah baju hendaklah dimasukkan ke dalam bahagian seluar pada paras pinggang.
- Berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju. Fesyen rambut tidak keterlaluan dan perlu bersesuaian dan kemas.
- Memakai seluar panjang yang bersih, kemas dan sopan. Pakaian jeans tidak dibenarkan sama sekali.
- Memakai pakaian sukan yang sesuai semasa bersukan atau berekreasi.
- Memakai kasut kulit hitam dan berstokin.

Pakaian Pelajar Perempuan

- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang mahasiswa universiti, berbaju kurung, kebaya labuh, kebarung atau pakaian etnik masing-masing yang sesuai, kemas dan tidak menjolok mata. Baju mestilah berlengan dan tidak sendat serta tidak menunjukkan bentuk tubuh badan.
- Pelajar Islam digalakkan bertudung tetapi tidak menutup sebahagian atau seluruh daripada muka (berpurdah).
- Memakai kain atau skirt labuhnya hendaklah di bawah paras lutut.
- Memakai seluar yang bersesuaian, bersih dan sopan. Pakaian jeans tidak dibenarkan.
- Memakai alat solek, aksesori dan pewangi secara sederhana.
- Memakai kasut yang menutupi jari kaki, lereng kaki dan tumit.

SISTEM PENASIHAT AKADEMIK

1. Pengenalan

Sistem Penasihat Akademik adalah kerjasama yang diberikan oleh kakitangan akademik untuk membimbing, menasihati dan membantu mengatasi masalah-masalah pelajar dalam hal ehwal akademik. Dalam sistem semester ber kredit, pelajar dibenarkan memilih kursus-kursus mengikut minat dan kemampuannya sendiri. Oleh itu, pelajar perlu diberikan nasihat oleh Penasihat Akademik (PA) dari semasa ke semasa supaya pelajar dapat menggunakan masanya di universiti ini dengan lebih terancang untuk mencapai kejayaan sehingga dapat menamatkan pengajian di universiti.

2. Konsep Penasihat Akademik

Penasihat Akademik ialah seorang kakitangan universiti (biasanya kakitangan akademik sesebuah fakulti) yang ditugaskan membimbing seseorang pelajar dalam perancangan akademiknya. Di bawah sistem ini, pada dasarnya seseorang Penasihat Akademik akan ditugaskan untuk membantu pelajar-pelajar dalam memperjelaskan objektif-objektif pengajian, menyusun pengambilan kursus-kursus akademik dan menggunakan potensi yang ada pada diri mereka untuk memenuhi keperluan pengijazahan. Biasanya seseorang Penasihat Akademik akan ditugaskan membantu dan menasihati sekumpulan pelajar orang bermula dari awal pengajian, iaitu semasa mereka memasuki universiti sehinggalah mereka tamat pengajian di universiti ini.

3. Objektif Sistem Penasihat Akademik

- 3.1 Membantu meningkatkan potensi akademik pelajar;
- 3.2 Memberi bimbingan kepada pelajar dalam perancangan pengajian dan aktiviti lain yang boleh meningkatkan pencapaian akademik dan sahsiah individu pelajar;
- 3.3 Membantu menyelesaikan masalah akademik pelajar;
- 3.4 Mengeratkan hubungan antara pelajar dan pensyarah;
- 3.5 Memberi nasihat mengenai peluang-peluang kerjaya pelajar; dan
- 3.6 Memotivasikan pelajar-pelajar yang didapati lemah dan memaksimumkan keupayaan pelajar-pelajar cemerlang di UPSI.

4. Peranan dan Tanggungjawab Penasihat Akademik

Tanggungjawab Penasihat Akademik adalah seperti berikut:

- 4.1 Memberi nasihat kepada pelajar-pelajar di bawah jagaannya dalam hal-hal akademik, seperti pemilihan bidang-bidang pengkhususan, minor dan pendaftaran kursus-kursus pra-syarat dan sebagainya. Dalam hal ini, Penasihat Akademik diminta mengadakan pertemuan sebanyak tiga (3) kali dalam satu semester;
- 4.2 Memberi nasihat tentang keperluan bidang pengkhususan minor, pengecualian kursus, elektif dan keperluan pengijazahan keseluruhannya;
- 4.3 Meneliti kemajuan pelajar-pelajar yang di bawah jagaannya dari semasa ke semasa dan memberi nasihat kepada pelajar-pelajar tersebut tentang keperluan-keperluan yang mesti dipenuhi untuk pengijazahan;
- 4.4 Meneliti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar berhubung dengan pengajian mereka dan membuat syor kepada Ketua Jabatan atau pensyarah yang berkenaan tentang langkah-langkah yang perlu diambil bagi membantu pelajar-pelajar berkenaan seperti mengadakan perjumpaan atau tutorial khas atau menasihati pelajar berkenaan supaya menggugurkan kursus tersebut atau perkara-perkara lain;
- 4.5 Menjelaskan kepada pelajar-pelajar tentang sistem pengajian ber kredit dan keperluan-keperluannya;
- 4.6 Merujukkan pelajar-pelajar yang di bawah jagaannya kepada pihak-pihak berkenaan jika pelajar mempunyai masalah-masalah bukan akademik;

- 4.7 Menasihati pelajar-pelajar di bawah jagaannya tentang kaedah-kaedah belajar yang dapat membantu mereka dalam pengajiannya;
- 4.8 Menjelaskan kepada pelajar-pelajar di bawah jagaannya tentang peluang-peluang kerjaya yang terbuka kepada mereka;
- 4.9 Memberi ulasan berkenaan permohonan menangguh pengajian atau cuti dengan kebenaran pelajar-pelajar di bawah jagaannya;
- 4.10 Memberi nasihat-nasihat lain yang dapat membantu pelajar-pelajar dalam pengajian mereka.

5. Agihan pelajar-pelajar untuk setiap Penasihat Akademik

Pelajar-pelajar akan diletakkan di bawah Penasihat Akademik/pensyarah-pensyarah di Fakulti/Jabatan bagi program berkenaan. Tanggungjawab ini adalah sebahagian daripada tugas seseorang pensyarah.

6. Penutup

Untuk memastikan Sistem Penasihat Akademik ini berjalan secara berkesan, ia memerlukan kerjasama kedua-dua pihak iaitu pensyarah-pensyarah yang telah dilantik sebagai Penasihat Akademik dan juga pelajar-pelajar. Kedua-dua pihak perlu memainkan peranan masing-masing untuk mendapat faedah yang diharapkan. Dekan atau Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar) hendaklah sentiasa memantau perkembangan dan memastikan Sistem Penasihat Akademik ini berjalan dengan baik.

ALAMAT PERHUBUNGAN FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK (FSM)

Fakulti Sains dan Matematik

Aras 1, Blok ST-01

Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjong Malim

Perak Darul Ridzuan

Telefon : 015-48797526/7205/7577

Faksimili : 015-48797296

Emel : fsmt@upsi.edu.my

Laman web : <http://fsmt.upsi.edu.my>

WAKTU BERURUSAN FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK (FSM)

Isnin hingga Khamis

Waktu Operasi : 8.30 pagi hingga 4.30 petang

Waktu Rehat : 1.00 petang hingga 2.00 petang

Jumaat

Waktu Operasi : 8.30 pagi hingga 4.30 petang

Waktu Rehat : 12.15 petang hingga 2.45 petang

Sabtu, Ahad dan Cuti Umum

Tutup

Nota:

“Maklumat yang terkandung dalam buku ini adalah betul sewaktu buku ini dicetak. Pihak Fakulti berhak menambah, meminda dan membetulkan mana-mana kandungan tanpa terlebih dahulu memaklumpkannya kepada pelajar.”